

22 DEC 2001

Agong-Malaysia (Bergambar)

AGONG SERTAI RIBUAN RAKYAT DI RUMAH TERBUKA MALAYSIA

JOHOR BAHRU, 22 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tengku Fauziah hari ini berangkat menyertai beribu-ribu rakyat pelbagai kaum menghadiri Rumah Terbuka Malaysia 2001 peringkat kebangsaan di Dataran Bandaraya di sini.

Sultan Johor Sultan Iskandar dan Sultanah Hajjah Zanariah serta Tunku Mahkota Tunku Ibrahim Ismail dan isteri Raja Zarith Sofia turut berangkat ke rumah terbuka Aidilfitri itu, yang julung kali diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersama-sama Kerajaan Negeri Johor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Timbalan Perdana Menteri Singapura Brig-Jen Lee Hsien Loong dan isteri masing-masing serta beberapa menteri kabinet Malaysia dan Singapura turut hadir pada majlis itu.

Keberangkatan tiba Seri Paduka berdua disambut penuh istiadat tradisional Melayu.

Dianggarkan 100,000 rakyat berbilang kaum termasuk dari Singapura menghadiri rumah terbuka yang bermula 10 pagi dan berakhir 4 petang ini.

Berpuluh-puluh gerai yang menghidangkan pelbagai jenis juadah menjadi tumpuan tetamu termasuk pelancong asing, yang turut dihiburkan dengan persembahan kesenian dan kebudayaan rakyat pelbagai kaum negara ini.

Kemeriahan Rumah Terbuka Malaysia itu turut dikongsi oleh ribuan rakyat Singapura yang sejak pagi lagi sudah tiba di Dataran Bandaraya dengan bas-bas khas yang disediakan untuk mengangkut mereka datang dan pulang ke republik itu.

Dalam cuaca cerah sepanjang majlis itu berlangsung, ribuan rakyat Malaysia dan rakyat Singapura tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan Seri Paduka, Dr Mahathir, Abdullah dan para kenamaan yang berpakaian kebangsaan.

Ibu bapa juga mendokong anak-anak mereka untuk melihat dari dekat wajah Seri Paduka dan para pemimpin negara selain ramai yang sibuk mengambil gambar.

Selain artis-artis tempatan, para tetamu Rumah Terbuka Malaysia juga dihiburkan oleh artis-artis dan personaliti media elektronik dari Singapura serta penyanyi Taiwan dan Hong Kong yang ditaja oleh syarikat swasta.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Dr Chua Soi Lek, yang ditemui selepas itu berkata matlamat Rumah Terbuka untuk menarik 100,000 pengunjung tercapai dan membuka peluang kepada mereka menjalin dan mengeratkan perpaduan dalam suasana Hari Raya yang meriah.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata Rumah Terbuka Malaysia yang berlangsung hari ini turut membantu mengukuhkan hubungan baik dengan negara-negara jiran.

Ini ekoran sambutan yang diberikan oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini serta kebanjiran pelancong asing dan warga Singapura, Thailand dan Indonesia, katanya.

Rumah Terbuka Malaysia turut mendapat liputan meluas media Thailand, Indonesia dan Singapura, katanya pada persidangan berita selepas majlis tersebut.

Abdul Kadir berkata salah satu faktor kebanjiran warga asing adalah disebabkan penjualan mega yang akan berlangsung tengah malam ini selain untuk menikmati juadah dan makanan tradisional Johor yang disediakan.

Terdahulu dalam ucapannya pada majlis itu, Abdul Kadir berkata enam

perayaan utama di negara ini iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Perayaan Gawai Sarawak dan Perayaan Kaamatan Sabah dijadikan perayaan nasional dalam usaha kerajaan memupuk perpaduan kaum di negara ini.

"Matlamat kerajaan adalah untuk memperkukuhkan asas-asas bangsa dan negara serta mempercepatkan proses membina suatu budaya bangsa Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

BH MOZ